

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NOORITA BINTI SUAL
(TENOM)**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2021 (KHAMIS)

SOALAN

PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah inisiatif yang telah diambil oleh pihak Kerajaan Persekutuan untuk menaik taraf perkhidmatan pengangkutan Keretapi Pangi di daerah Tenom.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan projek-projek infrastruktur seperti menaiktaraf perkhidmatan pengangkutan Keretapi bukan sahaja mampu memberikan keselesaan kepada para penumpang malah pelbagai kesan pertumbuhan ekonomi di kawasan persekitaran jajaran Keretapi.

Pada ketika ini, Kementerian Pengangkutan sedang memberikan fokus untuk menyiapkan dua (2) projek berkeutamaan tinggi bagi menaiktaraf infrastruktur untuk menambah baik perkhidmatan pengangkutan Keretapi Sabah, iaitu projek penaiktarafan landasan Halogilat - Tenom dan perolehan tiga (3) set *Diesel Multiple Unit* (DMU) dan enam (6) unit *Non-Powered Car*. Kedua-dua projek ini dijangka dapat diselesaikan awal tahun 2022.

Kerja-Kerja Tambahan Menaiktaraf Di Kawasan Gorge Line Antara Stesen Halogilat (KM111) Ke Stesen Tenom (KM137.9) Bagi Jabatan Keretapi Negeri Sabah telah diluluskan dalam RMKe-11 dengan kos projek RM49.6 juta. Prestasi kemajuan fizikal projek ini telah mencapai 99.5% dan dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun ini. Projek ini telah diperuntukkan sejumlah RM2.0 juta bagi tahun 2022 untuk perakuan akaun dan bayaran muktamad.